

MEMARTABATKAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM SEKTOR SWASTA

OLEH KHAIROL ANUAR HARITH FADZILLAH

"Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh kepulauan Melayu dan di segala negeri timur sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *lingua franca* di Itali dan di Levant. Sungguh luasnya, tersebar bahasa Melayu itu sehingga kalau kita mengetahuinya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak kerana bahasa itu bukan saja dimengerti di Parsi, bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga ke Kepulauan Filipina".

(Catatan Francois Valentijn, seorang sarjana Belanda)



Demikianlah renungan tentang sejarah perjalanan dan keunggulan nilai ekonomi bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca* pada era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka oleh seorang sarjana Belanda, Francois Valentijn bahawa nilai ekonomi bahasa Melayu telah mencapai keunggulan dan kegemilangan sebagai bahasa pentadbiran, bahasa ilmu, undang-undang, falsafah, dan sebagainya. Buktinya, kemuncak kegemilangan empayar Melaka telah meletakkan bahasa Melayu dalam konteks ekonomi pada masa kini sebagai bahasa *lingua franca* antara penduduk tempatan dan pedagang luar dari India, Eropah, Cina dan Arab. Ironinya, keunggulan bahasa Melayu di negara ini sebagai bahasa kebangsaan kini kehilangan martabatnya sebagai bahasa kebangsaan terutamanya dalam sektor swasta.

Persoalannya, mengapakah keunggulan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kehilangan martabatnya dalam sektor swasta? Mengapakah bahasa kebangsaan kehilangan nilai ekonominya dalam sektor tersebut? Jawapan yang lebih tepat, seperti yang kita sedia maklum, sektor swasta di Malaysia tidak begitu menitikberatkan aspek penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan yang melibatkan urusan dokumentasi, hebahan, seminar, perniagaan, dan sebagainya. Isu kehilangan martabat bahasa kebangsaan ini jelas dibuktikan dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan, mereka bertindak mengutamakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam majlis yang dianjurkan. Sebagai contoh, sektor swasta mengutamakan

bahasa Inggeris sepenuhnya padahal, majoriti yang menghadiri program tersebut merupakan warganegara Malaysia. Dalam erti kata lain, "menjaga standard" dan "tidak jatuh standard", umpama satu ungkapan sinis jika bertutur dalam bahasa Melayu sekali gus menghiris hati penutur bahasa Melayu yang memartabatkan bahasa kebangsaan. Dalam hal ini sektor swasta tidak memartabatkan bahasa kebangsaan dengan sewajarnya.

Faktor yang menyebabkan bahasa kebangsaan tidak dimartabatkan oleh sektor swasta termasuklah kerana warga Malaysia sendiri tidak begitu yakin dengan penggunaan bahasa kebangsaan dalam sebarang urusan walhal mereka berada di bumi Malaysia. Mereka berasa tidak kekampungan jika berjaya bertutur dalam bahasa Inggeris. Dalam hal ini, tindakan mengetepikan martabat bahasa kebangsaan dalam sektor swasta menambahkan lagi kehancuran martabat bahasa kebangsaan. Apatah lagi, dalam penganjuran majlis oleh sektor swasta, penggunaan bahasa Inggeris yang dicampurkan dengan bahasa Melayu menambahkan lagi pencemaran bahasa yang memerlukan langkah sewajarnya untuk memartabatkan semula bahasa kebangsaan dalam sektor swasta di Malaysia.

Sektor swasta disarankan untuk bekerjasama dalam usaha memajukan bahasa kebangsaan dengan meluas seiring dengan keyakinan majoriti rakyat Malaysia untuk memartabatkan bahasa kebangsaan dan terus berjuang dengan penuh semangat tanpa rasa tertekan dengan ledakan

dan saingan bahasa Inggeris. Strategi positif amat diperlukan bagi memartabatkan bahasa kebangsaan dalam sektor swasta, iaitu dengan cara yang meyakinkan, bukan dengan cara yang memaksa.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu dimartabatkan dalam sektor swasta, selain menggalakkan warga Malaysia mempelajari bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa antarabangsa. Langkah ke arah memartabatkan bahasa kebangsaan dalam sektor swasta sewajarnya melibatkan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pelbagai agensi swasta seiring dengan keyakinan dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan dan meningkatkan nilai ekonomi bahasa kebangsaan sebagai bahasa *lingua franca* dalam perkembangan tamadun dunia.

Pada dasarnya, bahasa peraturan rasmi bagi bangsa Malaysia ialah bahasa Melayu. Justeru, keunggulan bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca* lebih 600 tahun dahulu sebagai bahasa perdagangan era keagungan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Keunggulan nilai ekonomi bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca* berjaya membawa

penggubalan *Hukum Kanun Melaka* yang lebih tua daripada *Undang-undang Laut Melaka* dan *Undang-undang Pahang*. Sehubungan dengan itu, bukti keunggulan nilai ekonomi bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca* sememangnya lebih lama daripada sejarah penggunaan bahasa Inggeris yang bermula pada pertengahan kurun ke-16. Sejak lebih 50 tahun lalu bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan dan menjadi bahasa rasmi sejak merdeka. Seterusnya, 10 tahun selepas merdeka, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, iaitu bahasa rasmi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan mengikut Perkara 152 menjelaskan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Bahasa-bahasa lain dibenarkan dalam situasi-situasi tidak rasmi atau dalam aspek pembelajaran. Oleh hal yang demikian, mengikut Akta (Pindaan) Perlembagaan 1971, kedudukan bahasa Melayu tidak boleh dipersoalkan dan dilindungi oleh Akta Hasutan. Bahasa Inggeris dibenarkan dalam situasi-situasi tertentu. Sebagai contoh, bahasa Inggeris digunakan semasa berhubung dengan negara-negara lain atau badan-badan peringkat antarabangsa. Latihan dikendalikan dan dilaksanakan oleh pakar-pakar dari luar negara.

Sikap pekerja dalam sektor swasta meminggirkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan amatlah mengecewakan. Krisis ini berlaku kerana stigma negatif sebahagian daripada mereka tentang martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa yang mempunyai keunggulan nilai ekonomi. Selain itu, faktor yang menyebabkan bahasa kebangsaan tidak dimartabatkan dalam sektor swasta berpunca kerana sikap sebahagian masyarakat meminggirkan bahasa Melayu daripada rancangan pembangunan,

“Keutamaan segelintir ibu bapa yang berkelas elit mendidik anaknya bertutur dalam bahasa Inggeris telah meracuni stigma negatif buat anak mereka.”



urusan dokumentasi, e-bahan, seminar, perniagaan, dan sebagainya. Jika keadaan ini berterusan, martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terus tertinggal dan terkubur dalam arus kemajuan yang ditunjangi oleh sektor swasta, selain martabat bahasa kebangsaan akan luntur secara perlahan-lahan dalam bidang ilmu, teknologi, dan budaya.

Dalam ledakan globalisasi dan persaingan gelombang bahasa Inggeris yang menguasai perkembangan sektor swasta di Malaysia turut menimbulkan keraguan segelintir ibu bapa yang memandang rendah terhadap martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Buktinya, ibu bapa yang berkelas elit mendidik anak mereka bertutur dalam bahasa Inggeris termasuklah menguasai bahasa asing lain seperti bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain yang bersifat bilingual dengan harapan untuk mendapat sebarang pekerjaan selepas menamatkan pengajian kelak. Pada masa yang sama mereka terdedah dengan andaian jika tidak menguasai dan fasih dalam bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan pelbagai bahasa asing lain agak sukar ditentukan untuk bekerja dalam sektor swasta yang menjanjikan pendapatan lumayan bagi para graduan yang baharu menamatkan pengajian.

Ibu bapa wajar memainkan peranan penting kepada anak-anak yang masih belajar dan bakal menamatkan pengajian agar mereka tidak terpengaruh dengan stigma negatif bahawa kelulusan terbaik dalam bahasa Inggeris sangat diperlukan oleh negara.

Langkah memartabatkan bahasa kebangsaan dalam sektor swasta wajar dimainkan oleh pelbagai pihak untuk memastikan keunggulan nilai ekonomi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan berada pada kedudukan yang sewajarnya. Umpamanya, dalam dunia keusahawanan dan perniagaan yang berkait rapat dengan sektor swasta, orang-orang Melayu usah malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu seperti bangsa Korea dan Jepun yang tidak malu memperjuangkan produk buatan mereka yang ditunjangi oleh sektor swasta di negara Jepun dan Korea Selatan seperti Hyundai, Nissan Suzuki, Samsung dan pelbagai produk terbaik dan ikonik hasil ciptaan mereka yang terkenal di serata dunia. Hakikatnya, warga Malaysia yang berkecimpung dalam sektor swasta perlu menonjolkan keyakinan diri sebagai bangsa Melayu dan bangsa Malaysia yang boleh bertutur dengan penuh kesantunan dan keindahan dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang memiliki keunggulan nilai ekonominya dalam tamadun dunia. B